

12 OCT 2003

Pameran-Lanjut

PAMERAN FOTO SERIBU WAJAH DR MAHATHIR DIBUKA HINGGA 9 MALAM MULAI ESOK

KUALA LUMPUR, 12 Okt (Bernama) -- Waktu lawatan pameran foto "Seribu Wajah Dr Mahathir: Satu Penghargaan Kepada Seorang Negarawan" di Balai Seni Lukis Negara (BSLN), di Jalan Tun Razak di sini, dilanjutkan hingga pukul 9 malam setiap hari mulai esok.

Ketua Pengarah BSLN Puan Waira Marzuki berkata, waktu lawatan itu dilanjutkan berikutan sambutan yang amat menggalakkan daripada orang ramai.

Pameran itu sebelum ini dibuka secara percuma kepada orang ramai dari pukul 10 pagi hingga pukul 6 petang setiap hari.

Pameran itu menerima kunjungan paling ramai hari ini apabila lebih 6,000 orang mengunjunginya.

Sejak dibuka kepada orang ramai Selasa lepas, pameran itu telah dikunjungi lebih 15,000 orang.

Pameran itu, yang dirasmikan oleh Yang di-Pertuan Agong Tuanku Syed Sirajuddin Syed Putra Jamalullail Isnin lepas, mempamerkan sebanyak 1,000 keping gambar Dr Mahathir meliputi 22 tahun beliau menyandang jawatan Perdana Menteri, yang sebahagian besarnya belum pernah disiarkan atau dipamerkan.

Gambar-gambar itu, separuh dicetak pada kanvas dan selebihnya dalam bentuk mural dan multimedia, merakamkan Dr Mahathir dalam pelbagai aksi, mood serta suasana.

Pameran itu dianjurkan oleh media Malaysia terdiri daripada akhbar, stesen televisyen, Jabatan Penerangan dan Pertubuhan Berita Nasional Malaysia (Bernama) dengan kerjasama BSLN sebagai tanda penghargaan kepada Dr Mahathir yang sepanjang tempoh perkhidmatannya sebagai Perdana Menteri terkenal sebagai mesra media.

Pameran itu akan berakhir pada 6 Dis ini.

-- BERNAMA

SJA KHY BK